

Analisis Terhadap Peruntukan Penentuan 'Iddah dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia

A Critical Analysis on the Determination of 'Iddah in the Malaysian Islamic Family Law Enactment

MEK WOK MAHMUD, NAIMAH MOHAMAD NASIR, SAIDATOLAKMA MOHAMAD YUNUS & MOHAMMED FARID ALI

ABSTRAK

Penceraian sering dikaitkan dengan 'iddah; iaitu suatu tempoh pra-penceraian tertentu bagi isteri perlu menunggu sebelum berkahwin baru atau diruju' semula oleh bekas suami dan juga suatu tempoh bagi bekas suami memberi nafkah 'iddah kepada isterinya. Penentuan 'iddah disisi Shari'ah ini sangat penting dan perlu diteliti bagi menjaga kemaslahatan isteri yang diceraikan semasa dalam tempoh 'iddah. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri didapati tiada garis panduan atau peruntukan undang-undang yang khusus bagi rujukan pengamal undang-undang dan hakim dalam penentuan 'iddah bagi seseorang wanita yang diceraikan. Jesteru, keadaan ini menjurus kearah interpretasi yang berbeza sehingga boleh menyebabkan pelaksanaan boleh dipertikaikan. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis peruntukan undang-undang dan pelaksanaannya dalam kes atau isu penentuan 'iddah. Kajian ini juga bertujuan memberi kefahaman umum kepada masyarakat, pengamal undang-undang dan kehakiman akan kesan ketidakjelasan garis panduan secara terperinci terhadap penentuan iddah. Kajian ini mengadaptasi metode kualitatif dengan menggunakan analisis konten terhadap kes-kes yang berkaitan dengan penentuan 'iddah untuk memahami isu ini dengan baik. Hasil kajian mendapati tempoh 'iddah tidak diperjelas secara teliti ketika pembicaraan kes penceraian, penentuan tempoh tuntutan nafkah 'iddah oleh orang awam dan pengamal undang-undang syariah hanya setakat tiga bulan dan kebanyakan kes bergantung kepada tuntutan pihak yang menuntut tanpa meneliti terlebih dahulu kondisi dan tempoh haid sebenar bagi 'iddah wanita. Maka, kajian ini mencadangkan pembahagian 'iddah secara komprehensif dan padat perlu dimasukkan sebagai seksyen dalam enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan penelitian pada keadaan wanita harus dititikberatkan oleh pihak peguam cara dan hakim sebelum Mahkamah menetapkan sebarang keputusan penentuan 'iddah. Maka, moga kajian ini membantu dalam menambah baik penghakiman penentuan 'iddah di Malaysia agar lebih efektif dan sesuai dengan tuntutan Syariah.

Kata kunci: 'Iddah, nafkah 'iddah; hakim; pengamal undang-undang; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam

ABSTRACT

Divorce is often associated with 'iddah; a waiting period for the wife before a new marriage or ruju' being made by the former husband and a period for the former husband to provide nafaqah for his wife. Determination of 'iddah in Islam is very crucial to safeguard the welfare of divorced wives during the period of 'iddah and need to be scrutinized and well determined. However, in the reality there is absence of specific guidelines in provisions of Islamic family law in determining 'iddah for a divorced woman for law practitioners and judges resulting the provisions had interpreted distinctively and has lead its implementation to be criticiz Therefore, the study aims to analyse the related provisions and its implementation in determining 'iddah for a divorced wife. In addition, this study also aims to provide an insight to the community in general and practitioners in particular about the adverse effect of unclear and uncertain guideline on determining of 'iddah. This study adopted qualitative content analysis which addressed and focused on related document concerning determination of 'iddah cases for better understand this issue. The findings showed that the duration of 'iddah period was not clarified during the divorce proceedings, the determination of the period of nafaqah is limited for only three months and the judgment relied solely on the claims without first indentifying the menstruation's condition of the divorced women. This study suggests a comprehensive and precise classification of 'iddah should be included as a section in the enactment of Islamic family law and the determination of women's condition should

be considered by the lawyers and court before taking any decision. Therefore, it is hoped that this study may help to improve the existing judgment in Malaysia in producing effective decisions of 'iddah determination which in line with Shari'ah.

Keywords: 'Iddah, nafaqah 'iddah; judges; law practitioners; Malaysian Islamic Family Law Enactment.

PENDAHULUAN

Sejak tahun 90 an, terdapat banyak usaha-usaha kearah revolusi terhadap undang-undang tradisional keluarga islam yang terpakai dalam pelbagai aspek dek kerana ketidakmampuan dalam mengadaptasi cabaran moden yang dihadapi komuniti muslim, antara yang terkesan dalam hal ini adalah isu berkaitan 'iddah (Raihanah Abdullah, Taslima Monsoor, Fuadah Johari & Wirdati Mohd Radzi 2015: 364). Walaupun hakikatnya, ketentuan 'iddah bukanlah suatu perkara baru yang diketengahkan pada zaman moden ini dan amalan ini sebenarnya berterusan dari sebelum kedatangan Islam lagi iaitu merupakan sebahagian amalan bangsa Arab *Jāhilliyyah* pada ketika itu. Amalan ini masih dikekalkan sehingga kini oleh *Shari'ah* dan ia merupakansuatu ketetapan daripada Allah, dan dasar hukumnya disokong oleh dalil-dalil yang terdapat pada Al-Quran, Hadith dan Ijmā' (Al-Zuhaylī t.th:9:7167). Sudah pasti terkandung pada hukum 'iddah ni hikmah yang besar atas eksistensinya sehingga kini. Di sini menunjukkan peranan *Shari'ah Islamiyyah* yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang bertujuan untuk menjaga kebajikan, mendatangkan kebaikan, menolak kemudaratan dalam segenap aspek kehidupan manusia samada kepada lelaki mahupun wanita di dunia dan di akhirat (Al-Syatībī 1997:2:9) iaitu termasuk menolak amalan yang melampau dan mengekalkan sesuatu perkara yang masih lagi mempunyai nilai kebaikan padanya seperti beberapa syariat lain seperti solat, puasa dan sebagainya.

Oleh itu, untuk menjaga keutuhan dan perlaksanaan hukum ini secara efektif, dapat dilihat kewujudannya di dalam sebahagian sub perkahwinan akta undang-undang keluarga Islam di bawah negeri-negeri khususnya di Malaysia supaya hal ini menjadi dasar dan perlu dititikberatkan Mahkamah Syariah terutama dalam mengendalikan kes pasangan yang bercerai. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia terdiri daripada 13 buah Negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, dan 1 persekutuan iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain itu, pelaksanaan 'iddah ini perlulah dibicara dan difahami dengan teliti kerana hukum

ini berkait rapat dengan hukum-hukum lain seperti *ruju'*, nafkah 'iddah, perkahwinan baru bagi wanita dan lelaki. Kesilapan dalam menentukannya boleh menjurus kepada pelaksanaan hukum yang kurang efektif dan tidak mencapai *maqasid* disebalik pensyarian 'iddah ini serta mendatangkan permasalahan yang menyukarkan urusan bagi masyarakat islam umumnya dan institusi kehakiman khususnya.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan dengan menganalisis sumber primer dan sekunder seperti artikel-artikel jurnal, buku-buku samada daripada penulisan ulama'-ulama' klasik dan kontemporari. Tambahan pula, kajian ini juga menggunakan pendekatan konten analisis terhadap dokumen perundangan seperti kandungan kes-kes, pamflet-pamflet dari Jabatan kehakiman Syariah Malaysia, serta Enakmen-enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia yang terdiri daripada 13 negeri dan 1 persekutuan.

Kajian ini juga menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sample*) dengan memilih sebanyak 20 sampel kes nafkah 'iddah yang bersesuaian dengan objekif kajian melalui pautan berkaitan kes-kes perundangan (Lexis Advance Malaysia 2020) kerana perbicaraan tentang penentuan 'iddah hanya terdapat pada kes tuntutan mal nafkah 'iddah. Kes-kes tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti bagi mendapatkan tema-tema tertentu dalam isu penentuan dalam 'iddah dalam kes penceraian. Hal ini penting mendapatkan gambaran hubungan antara teori dan aplikasi penentuan 'iddah berdasarkan perspektif undang-undang di Mahkamah Syariah dan *Shari'ah Islāmiyyah* khususnya di Malaysia bagi penambahbaikan.

KONSEP 'IDDAH DALAM ISLAM

'Iddah (عدة) daripada perkataan 'adad (عدد) iaitu sudut bahasa membawa maksud pengiraan, hitungan dan bilangan. Hal ini kerana 'iddah mengandungi makna bilangan suci daripada haid dan bilangan

bulan (Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & Ali Al-Syabarji 2009:2:202).

Dari sudut istilah, terdapat dua perbezaan pendapat, antara jumah dan mazhab *Hanafiyyah*. Menurut pendapat Mazhab *Hanafiyyah* perkataan '*iddah*' membawa maksud di sisi syarak sebagai suatu tempoh tertentu bagi menghabiskan apa yang tersisa daripada kesan perkahwinan (Al-Kasānī 2:193). Manakala di sisi Jumah ulama', '*iddah*' merupakan suatu tempoh menunggu bagi wanita supaya dapat mengetahui kosongnya rahim daripada janin, sebagai suatu yang bersifat kehambaan atau *ta'abbudiyah* kepada Allah serta menjadi suatu simbolik berkabung kepada suami yang telah meninggal dunia (Al-Zuhaylī t.th: 9:7168).

Maka, berdasarkan kepada definisi yang di atas, dapat difahami bahawa '*iddah*' merupakan suatu hukum khusus yang mewajibkan wanita yang masih berstatus isteri untuk menunggu tanpa berkahwin dengan lelaki lain semasa masih dalam tempoh pasca penceraian samada penceraian yang berlaku atas sebab *ṭalāq*, *fasakh* dan kematian suami. Walaubagaimanapun, sebaliknya tempoh menunggu yang menghalang bagi sebahagian lelaki daripada berkahwin pada keadaan tertentu tidak dinamakan '*iddah*' (Al-Dimasyqī 1992:3:563). Dalam hal ini, bagi suami dan isteri juga perlu untuk mematuhi sempadan, tuntutan semasa pasca penceraian ini agar terjaga segala peraturan dan larangan yang ditetapkan oleh Allah *subhanahu wa ta'ala* sepertimana dalam firman Allah SWT:

Maksudnya:

Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan '*iddahnya*', dan hitunglah masa '*iddah*' itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya); dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui barangkali setelah itu Allah mengadakan suatu ketentuan yang baharu.

(Surah Al-Talaq:1)

JENIS-JENIS '*IDDAH*' DAN TUNTUTANNYA

'*Iddah*' merupakan fasa atau tempoh transisi sebelum terjadi suatu perpindahan suami dan isteri samada

berlaku ruju' atau tidak berlaku ruju' sepanjang tempoh tersebut. Malah, '*iddah*' juga merupakan kesan daripada akad perkahwinan dan talak. Ulama' bersepakat terdapat tiga jenis '*iddah*' yang digariskan oleh Al-Quran (Al-Zuhaylī t.th:9:7172), iaitu:

1. '*Iddah*' mengikut kiraan haid wanita iaitu

Maksudnya:

Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci. Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat.

(Surah Al-Baqarah 2:228)

2. '*Iddah*' mengikut kiraan bulan

Maksudnya:

Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh '*iddah*' mereka) maka '*iddahnya*' ialah tiga bulan

(Surah At-Talaq 65:4)

3. '*Iddah*' berdasarkan kelahiran anak

Maksudnya:

Dan (demikian) juga '*iddah*' perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh '*iddahnya*' ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.

(Surah At-Talaq 65:4)

Oleh itu, berdasarkan kepada pembahagian diatas didapati jenis-jenis yang diterangkan didalam Al-Quran secara umum, ringkas dan tepat mengenai tempoh '*iddah*' ini memberi gambaran yang menyeluruh merangkumi semua jenis wanita. Akan tetapi, para ulama' berbeza pendapat dari sudut keadaan yang menyebabkan seseorang isteri itu tergolong dalam kalangan mereka yang ber'*iddah*' ini secara terperinci dan para ulama' bersepakat pada ketiadaan '*iddah*' pada mereka yang tidak disetubuhi samada seseorang itu mempunyai haid atau tidak (Ibn Rushd 2004:2:105), berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu

ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya maka sekali-sekali tidak wajib atas mereka 'iddah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya. Maka berilah mereka mut'ah dan lepaskanlah mereka itu dengan cara yang sebaik-baiknya

(Al-Ahzab: 49)

Tambahan pula, Ulama' terdahulu dan kini telah mengklasifikasikan ketentuan dan jenis-jenis 'iddah ini bertitik tolak daripada dua sebab utama, iaitu: pertama: 'iddah yang terjadi kerana penceraian; kedua: 'iddah yang terjadi kerana kematian suami (Al- Jazīrī 4:466; Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & Ali Al-Syabarji 2009:2:203). Walau bagaimanapun, para ulama' berselisih pendapat pada menetapkan jenis atau golongan wanita yang berada dibawah dua pembahagian tersebut (Al-Zuhaylī t.th:9: 7170).

Selain itu, berdasarkan kepada pembahagian tersebut, wanita yang telah dikenalpasti untuk ber'iddah dan begitu juga suaminya, hendaklah melaksanakan beberapa tuntutan dan tanggungjawab sepanjang tempoh 'iddah tersebut. Tuntutan yang perlu dilakukan oleh wanita terbahagi kepada dua iaitu;

1. Wanita yang diceraikan hidup: mereka yang ber'iddah itu haram mendedahkan dirinya untuk dipinang oleh lelaki lain.

Maksudnya:

Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) menghendaki islah atau perdamaian.

2. Wanita yang diceraikan mati: perempuan yang ber'iddah atas kematian suami wajib keatasnya untuk berkabung (*al-ihdād*) iaitu tidak berhias selama 4 bulan 10 hari. Selain itu, wanita tersebut juga perlu menetap di rumah dan keluar melainkan ada keperluan sahaja (Hanān 2008:156).

Manakala, bagi lelaki mereka mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan iaitu memberikan nafkah sara diri, pakaian, tempat tinggal kepada isteri yang ditalak *raj'ī* samada dalam keadaan mengandung atau tidak mengandung, dan bagi *ṭalāq bāin* pula para ulama berselisih pendapat tentang wanita yang tidak mengandung (Laila Hasan 2007:112-113). Hal ini kerana, 'illah yang menyebabkan suami perlu membayar nafkah berkait dengan kewujudan hak bagi suami untuk

merujuk kembali isterinya selagi tempoh 'iddah masih belum berakhir. Walaupun begitu, bagi wanita yang ber'iddah atas kematian suami, jumhur ulama' bersepakat bahawa tiada nafkah bagi mereka kerana tiada 'illah tersebut (Hanān 2008: 115-119), berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW daripada Fatimah binti Qais ketika ditalak oleh suaminya (Al-Nisā'ī 1986:144);

Maksudnya:

Sesungguhnya nafkah dan tempat tinggal bagi wanita jika suaminya mempunyai hak untuk kembali merujuk isterinya.

(No. Hadis: 3403, Kitab Al- Ṭālaq, Bab Al-Rukḥṣah fī Al-Ṭalaq Al-Thalith)

ANALISIS PERUNTUKAN SEKSYEN-SEKSYEN 'IDDAH DI DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI MALAYSIA

Secara umumnya, pelaksanaan atau pemahaman konsep 'iddah di Malaysia merujuk kepada seksyen-seksyen di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Enakmen ini hasil daripada terjemahan, pengubahsuaian terhadap kandungan prinsip-prinsip perkahwinan dan penceraian dalam Mazhab *Syāfi'ī* yang telah diringkaskan 'iddah wanita yang diceraikan ke dalam Hukum Kanun Melaka.

Walaupun bagaimanapun, penetapan dalam peruntukan undang-undang ini tidaklah bersifat *rigid*, iaitu tidak menerima pandangan mazhab lain, malah ruang perbahasannya terbuka mengikut kehendak semasa. Hal ini kerana, tujuan asal peruntukan ini diadakan ialah untuk menjadi panduan utama khususnya kepada umat islam terutama dalam hal ehwal perkahwinan dan penceraian (Zaini 2004: 4-5). Sehingga kini, enakmen ini sentiasa berevolusi kerana terdedahnya kepada pelbagai kritikan untuk penambahbaikan supaya perlaksanaannya lebih efektif termasuk isu penentuan 'iddah.

Konsep ini bertitik tolak daripada hak kelangsungan pemberian nafkah oleh suami kepada isteri sehingga tamat tempoh 'iddah (Al-Syarbīnī 1994 5:173). Malah, dinyatakan juga dalam seksyen 65 (1) Akta 303 tentang hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian seperti berikut;

(1) Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri itu menjadi nusyuz.

[Pin. Akta A902: s.20]

Di samping itu, berdasarkan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia yang terdiri daripada 13 negeri dan 1 persekutuan didapati bahawa konsep *'iddah* ini biasanya disebut di beberapa tempat terutama di pembahagian lima dan enam dalam enakmen iaitu pada bahagian pembubaran perkahwinan dan nafkah kepada isteri, anak dan lain-lain, iaitu seperti berikut;

JADUAL 1. Perihal *'iddah* dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia.

Negeri	Seksyen Berkaitan <i>'Iddah</i>
Wilayah Persekutuan (Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga 1984)	Bah. (5), Seksyen 47, 51, 53 Bah. (6), Seksyen 59, 65
Selangor (Enakmen 2 Tahun 2003 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Johor (Enakmen 17 Tahun 2003 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Kedah (Enakmen 7 Tahun 2008, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2008)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Terengganu (Enakmen 12 Tahun 1985, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam).	Bah. (5), Seksyen 44, 48, 50 Bah. (6), Seksyen 64, 69, 70
Kelantan (Enakmen 6 Tahun 2002, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Melaka (Enakmen 12 Tahun 2002 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Negeri Sembilan (Enakmen 11 Tahun 2003 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Pahang (Enakmen 3 Tahun 2005 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Pulau Pinang (Enakmen 5 Tahun 2004 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Perak (Enakmen 6 Tahun 2004 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72

bersambung ...

sambungan ...

Perlis (Enakmen 7 Tahun 2006 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Sabah (Enakmen 8 Tahun 2004 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004)	Bah. (5), Seksyen 47, 52, 54 Bah. (6), Seksyen 66, 71, 72
Sarawak (Ordinan 43 Tahun 2001 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001)	Bah. (5), Seksyen 45, 50, 52 Bah. (6), Seksyen 65, 70, 71

Sumber: (e-syariah 2018)

Secara umumnya, terdapat sedikit perbezaan pada urutan nombor seksyen pada setiap bahagian enakmen-enakmen keluarga Islam. Tambahan pula, jika disoroti satu persatu seksyen bagi enakmen-enakmen ini, secara jelasnya *'iddah* ini tidak diperbahis secara khusus, malah hanya terdapat isyarat perkataan sahaja di dalam ayat bagi sub-seksyen. Kenyataan ini disokong kajian lain yang menyentuh tentang sebahagian undang-undang keluarga berkaitan *'iddah* ini tidak jelas (Raihanah Abdullah, Taslima Monsoor, Fuadah Johari & Wirdati Mohd Radzi 2015: 364). Jesteru, hal ini boleh membawa kepada kekeliruan dalam penentuan dan keputusan berkaitan dengannya jika tidak diperhalusi dengan baik. Hal ini dapat diteliti melalui beberapa aspek iaitu:

1. Tidak mencakupi konsep *'iddah*

Dari segi isi kandungan, perihal *'iddah* kebanyakannya disebut secara tidak langsung dan tidak mencakupi konsep *'iddah* secara menyeluruh iaitu secara umumnya konsep *'iddah* itu melibatkan jenis talak yang dilafazkan, keadaan haid atau tidak seseorang wanita itu serta tempohnya (Zaini Nasohah 2002) yang perlu kepada pertimbangan hakim sebelum memutuskan sesuatu keputusan awal dan habisnya *'iddah*. Antara contohnya seperti berikut:

Dalam Enakmen Undang-Undang Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984, pada bahagian V pembubaran perkahwinan, seksyen 47, perceraian dengan talak atau dengan perintah, telah menjelaskan tempoh *'iddah* secara tak langsung iaitu; tempoh atau fasa yang yang dibolehkan suami untuk merujuk semula dengan isteri dengan meletakkan waktu lafaz talak atau dengan perintah daripada mahkamah sebagai pemula dan meletakkan frasa "tamatnya

tempoh 'iddah" dan "berakhir kehamilan" sebagai pengakhiran bagi 'iddah, seperti berikut:

(16) Suatu talaq raj'i yang dilafazkan oleh suami melainkan dibatalkan terlebih dahulu, sama ada secara nyata atau tafsiran, atau dengan perintah daripada Mahkamah, tidak boleh berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga tamatnya tempoh 'iddah.

[Gan. Akta A902: s.13]

(17) Jika isteri hamil pada masa talaq itu dilafazkan atau pada masa perintah itu dibuat, talaq atau perintah itu tidak boleh berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga berakhir kehamilan itu.

Kesannya, jika berlaku ketidakjelasan dari sudut ketetapan awal dan habisnya 'iddah seseorang itu, berkemungkinan akan mempengaruhi penetapan hukumnya dari segi pelaksanaan panjang dan pendek tempoh 'iddah itu sendiri bagi si isteri dan suami. Contohnya Jika melibatkan akad perkahwinan baru antara wanita yang masih ber'iddah dan suami dalam keadaan dia sengaja akan menjadi satu kesalahan seperti yang terdapat di dalam enakmen Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian kesalahan IV, Seksyen 69. Perkahwinan dalam tempoh 'iddah;

(1) Sesiapa perempuan, masih dalam tempoh iddahnya, dengan sengaja berkahwin dengan lelaki lain adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Sesiapa yang mengupacarakan perkahwinan, dengan sengaja sehingga menyebabkan kesalahan menurut subseksyen (1), boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali

2. Konsep nafkah 'iddah tidak dikaitkan secara langsung dengan konsep Nafkah

Antara hak-hak kewangan selepas bercerai bagi seseorang isteri dalam tempoh 'iddah adalah nafkah 'iddah. Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam setiap negeri telah memperuntukkan bahagian khas untuk hak-hak berkaitan nafkah isteri, anak dan lain-lain, akan tetapi nafkah 'iddah tidak dijelaskan secara langsung dalam pembahagian seksyen-seksyennya.

Secara teorinya, dalam menjaga hak wanita semasa masih dalam tempoh pernikahan sehingga sebelum fasa perceraian, pihak suami dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah kepada isteri. Gambaran secara umum ini

difahami nafkah 'iddah berada dalam lingkungan konsep nafkah yang sama. Dalam memberi hak kewangan semasa 'iddah ini, penentuan kadar nafkah 'iddah perlu dilakukan supaya si suami dapat menunaikannya semasa 'iddah, maka pihak mahkamah perlu mengenalpasti keadaan wanita terlebih iaitu dari segi tempoh panjang dan pendek haid atau tidak seseorang itu serta jenis talak yang terjadi. Akan tetapi, kebanyakan sub seksyen berkaitan nafkah hanya menyentuh tentang nafkah 'iddah ini secara umum, seperti contoh:

Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 1985, bahagian VI- nafkah isteri, anak, dan orang lain, seksyen 60, pentaksiran nafkah, tidak menerangkan secara tepat tentang kadar nafkah tertakluk juga pada keadaan wanita yang bermacam dalam 'iddah bukan hanya tertakluk hanya kepada kemampuan dan keperluan sahaja, seperti berikut:

Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan tidak mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat

Setiap perkara yang telah disebut akan memberi kesan pada pendek dan panjangnya 'iddah walaupun sedikit atau banyak kadar bayarannya. Setiap keadaan ini perlu dibahagikan secara teliti agar tidak berlaku perbezaan ketara dalam penentuan dan keputusan kadar yang sepatutnya.

3. Penghalang atau terhentinya seseorang wanita mendapat nafkah terutama nafkah 'iddah kurang jelas dan perlu dijelaskan secara terperinci.

Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 2008, bahagian Vi - nafkah isteri, anak dan lain-lain, seksyen 66, hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian seperti berikut;

- a. Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri menjadi nusyuz.

Seksyen ini telah menerangkan syarat yang menghalang seseorang wanita mendapat nafkah 'iddah apabila wanita tersebut nusyuz dan tamat tempoh 'iddah. Akan tetapi, tidak menerangkan secara jelas bahawa tamatnya pemberian nafkah 'iddah dalam tempoh 'iddah juga tertakluk kepada

jenis penceraian seperti *fasakh* dan *khulu'* begitu juga keadaan wanita yang bermacam jenis.

Setiap jenis penceraian membawa kesan yang berbeza, begitu juga pada keadaan wanita. Setiap wanita mempunyai panjang dan pendek haid yang tersendiri. Pada sebahagian wanita yang lain tidak mempunyai haid secara sementara akibat sebab tertentu seperti penyusuan atau secara kekal (Laila Musyafa'ah 2018: 124-127). Keadaan ini boleh mengubah panjang dan pendek *'iddah* itu sendiri. Kebarangkalian ini perlu dipertimbangkan dalam penentuan *'iddah* begitu juga kadar nafkah *'iddah* yang perlu dibayar. Jika tidak penentuan yang tidak tepat boleh menyebabkan hukumnya kurang efektif dan tidak menepati tuntunan syarak.

4. *'Iddah* mempunyai pelbagai pembahagian; *'iddah* penceraian hidup dan mati, akan tetapi tidak dibahagikan secara jelas.

Contohnya seperti dalam Enakmen Undang-Undang Negeri Sembilan 2003, bahagian V - pembubaran perkahwinan, seksyen 54. anggapan mati, menerangkan tentang anggapan jika seseorang suami secara *hukum* atau benar-benar mati tetapi tidak dikaitkan dengan *'iddah* wanita 4 bulan 10 hari setelah diputuskan oleh Mahkamah, seperti berikut;

- b. Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhbarannya mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan, suatu perakuan anggapan kematian suami itu dan Mahkamah boleh atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi *fasakh* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 53.

Berdasarkan seksyen 80, Akta 561 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, pada bahagian III- Pengemukakan dan kesan keterangan, bab 1- Beban Membuktikan, tempoh hilang atau *mafqud* untuk seseorang untuk dikira sebagai meninggal dunia menurut undang-undang Syariah di Malaysia adalah 4 tahun; ini adalah seperti berikut;

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Penting untuk diketahui setiap keadaan bercerai hidup dan bercerai matinya seseorang isteri dengan suaminya mempunyai kesan hukum yang berbeza. Wanita yang kematian suaminya tetap perlu ber*'iddah* sebagai persediaan kosongnya rahim dari janin jika wanita tersebut bercadang untuk berkahwin baru. Menurut Imam *Syāfi'ī* (1990: 5: 241) dan Imam *Mālik* (1994: 2:31), *'Iddah* 4 bulan 10 hari bagi wanita yang kematian suaminya atas anggapan meninggal dunia mestilah dijalankan selepas dibuat aduan ke mahkamah dan disabitkan suaminya hilang atas tanggapan tersebut setelah tamat tempoh menunggu 4 tahun seperti kes kehilangan mangsa dalam penerbangan MH307 (Mek Wok & Siti Zulaikha 2017: 582) . Implikasi kepada kurang jelasnya pembahagian dalam penentuan *'iddah* bagi bercerai hidup dan mati boleh menyebabkan kurangnya penekanannya terhadap isu *'iddah* ini.

PROSES TUNTUTAN DAN ANALISIS PENENTUAN 'IDDAH WANITA DI MAHKAMAH SYARIAH

Mahkamah Syariah dalam bidang kuasa mal berperanan dalam hal tuntutan yang melibatkankan kes kekeluargaan dan harta benda seperti pentadbiran harta pusaka (Suhaimi Ab Rahman, Rasyidah Md Khalid, Adilah Abd Razak, Abu Bakar Jaafar 2018: 114). Kebanyakan perbicaraan kes yang melibatkan penentuan *'iddah* seseorang yang bercerai, kebiasaannya berada di bawah kes mal iaitu dibawah tuntutan nafkah *'iddah*. Bagi wanita yang ingin mendapatkan hak kewangan selepas bercerai seperti nafkah, muta'ah, *ḥaḍānah* , harta sepencarian dan mahar tertunggak dan sebagainya, wanita tersebut perlu membuat pendaftaran di Mahkamah Syariah sebelum dikeluarkan notis atau saman beserta pernyataan tuntutan bagi membuat tuntutan hak tersebut terhadap defendan iaitu suami (Zaini Nasohah 2002; Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2018). Walaupun terdapat kesukaran untuk mendapat hak ini atas faktor-faktor tertentu, kebanyakan kajian-kajian terdahulu mengetengahkan peranan Mahkamah Syariah sebagai entiti perundangan dan kerjasama antara pasangan dalam menyelesaikan masalah mengenai tuntutan hak kewangan ini (Muslihah 2012; Asari, K. N., Makhtar, M., Hamid, N. A., Abdullah Asuhaimi,

F., & Pauzai, N. A. 2017). Berikut merupakan proses tuntutannya seperti berikut:



RAJAH 1. Proses Tuntutan kes Mal di Mahkamah Syariah
Sumber: (JKSN 2018)

Di samping itu, hasil kajian telah mendapati secara umumnya tidak terdapat garis panduan secara khusus dalam proses penentuan 'iddah di Mahkamah ini, melainkan ia hanya termasuk dalam sebahagian proses umum tuntutan kes mal secara tak langsung. Maka, untuk lebih memahami hakikat perbicaraan dan pelaksanaan penentuan 'iddah ini, kajian ini meneliti 20 kes tuntutan mal nafkah 'iddah. Hal ini demikian kerana, untuk menentukan kadar nafkah 'iddah yang perlu dibayar oleh defendan atau suami, perlu mengenalpasti terlebih dahulu keadaan dan tempoh 'iddah wanita tersebut sebelum kadar tersebut ditetapkan.

Berdasarkan kes-kes tuntutan mal nafkah 'iddah, kajian mendapati kebanyakan kes-kes tersebut tidak menerangkan secara terperinci tentang penentuan 'iddah. Selain kajian ini mengenalpasti kelemahan dari sudut kandungan seksyen-seksyen 'iddah dalam enakmen-enakmen Undang-undang Keluarga Islam, kajian ini juga mengenalpasti beberapa poin-poin kelemahan iaitu dari sudut pelaksanaan, iaitu:

1. Penentuan tempoh awal dan anggaran tamat tempoh 'iddah wanita tidak ditentukan secara jelas.

Terdapat beberapa kes yang menyebut secara jelas bila tempoh bermulanya 'iddah iaitu bermula setelah pengesahan bercerai antaranya boleh dilihat kes *fasakh* seperti kes Nor Faizah bt Abdul Samad lawan Abu Bakar bin Abdul Ghaffar, Nurul Huda bt Ismail lawan Nurrisal bin Ahmad Imran, Fakriah bt Yusoff lawan Zulkifli bin Ismail dan kes *Khairul Faezah*

bte Haji Abdul Majid lawan Muhamad Salleh bin Bidin. Hal ini kerana kebiasaan kes *fasakh* diputus oleh mahkamah, maka 'iddah diputuskan bermula semenjak tarikh diputuskan *fasakh* suami dan isteri.

Begitu juga dalam kes 'iddah bagi wanita mengandung seperti kes DHHL lawan MAMR dan kes ZZ lawan NA, mahkamah mensabitkan keadaan isteri tersebut sedang mengandung dan 'iddah wanita tersebut berlangsung sehingga melahirkan anak. Tambahan pula, pada kes tuntutan mal lain seperti Rita Rudaini bt Mohamad @ Mokhtar lawan Mohamad Aidil Zafuan bin Abd Radzak, Hjh Nikmah binti Abu Bakar lawan Hj Mohammad Satri Bin Hj Omar menyebut tarikh lafaz cerai sebagai pemula 'iddah dan nafkah 'iddah perlu dibiayai suami. Hal ini bertepatan dengan Enakmen Undang-Undang Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984, pada bahagian V pembubaran perkahwinan, seksyen 47, perceraian dengan talak atau dengan perintah, yang menyatakan:

(16) Suatu talaq raj'i yang dilafazkan oleh suami melainkan dibatalkan terlebih dahulu, sama ada secara nyata atau tafsiran, atau dengan perintah daripada Mahkamah, tidak boleh berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu sehingga tamatnya tempoh 'iddah.

[Gan. Akta A902: s.13]

Manakala, kes-kes selainnya hanya menyebut secara tidak langsung tanpa menetap tempoh bermula dan hanya membincangkan kadar nafkah 'iddah yang perlu dibayar suami. Hal ini penting bagi membezakan tempoh bayaran nafkah dan nafkah 'iddah yang harus dibayar si suami kerana bukan semua golongan isteri layak mendapat nafkah 'iddah iaitu mereka yang diceraikan dengan *talāq bā'in* seperti perceraian melalui *fasakh* dan *khulu'* dan wanita yang disabit sebagai seorang isteri yang nusyuz oleh mahkamah atas bukti-bukti yang kukuh daripada suami atau defendan. Tambahan pula, ia juga memberi kesedaran kepada suami dan juga isteri akan tempoh 'iddah yang perlu dijalankan sebaiknya mengikut keadaan masing-masing.

2. Penentuan 'iddah tidak dikaitkan jenis talak yang dilafazkan suami atau jenis perceraian dengan keadaan wanita.

Secara umumnya, kebanyakan kes-kes yang membicarakan tentang penentuan 'iddah dikaitkan dengan jenis perceraian secara tidak langsung kecuali dalam beberapa hal dan tujuan iaitu dalam membicarakan kes yang berkaitan tuntutan *fasakh*

seperti kes Nor Faizah bt Abdul Samad lawan Abu Bakar bin Abdul Ghaffar, begitu juga dengan kes *khulu'* seperti kes Rahima Binti Baba lawan Abu Hanifah Bin Bachik. Perkara berikut merupakan jenis penceraian yang membawa maksud *talāq bā'in ṣughra* yang menghalang seseorang wanita mendapat nafkah *'iddah*.

Adapun, pada keadaan biasa samada penceraian *talāq raj'ī* atau *bā'in ṣughra* hanya terdapat beberapa perbicaraan kes yang menyentuh suci atau haidnya seseorang perempuan seperti pada kes Rohani Binti Hassan Lawan Julrizal Bin Ahmad Bashah dan kes Ida Hidayati Binti Taufiq Lawan Ahmad Shukri Bin Kassim. Kes ini menyebut tentang keadaan mereka yang diceraikan dalam keadaan atau tempoh suci maka wanita terbabit diputuskan oleh mahkamah ber*'iddah* sebanyak 3 kali suci.

Hal ini penting kerana perbezaan antara keadaan ini akan membawa kesan kepada penentuan *'iddah* dan tuntutan nafkah *'iddah*. Walaupun terdapat beberapa keadaan tidak melayakkan seseorang wanita mendapat hak nafkah *iddah* seperti seseorang wanita yang *fasakh, khulu'* dan nusyuz tapi mereka tetap perlu ber*'iddah*. Disamping itu, keadaan ini akan menentukan panjang dan pendeknya *'iddah* seseorang terutama bagai mereka yang masih mempunyai haid iaitu (Al-Haytami 1983:8:232; Al-Syarbīnī 1994 5:79-80);

- a. Jika wanita ditalak semasa suci, maka *'iddah* nya tamat pada haid yang ketiga.
 - b. Jika wanita itu ditalak semasa dalam keadaan haid, dan *'iddah* nya tamat apabila haid keempat datang.
 - c. Jika wanita itu ditalak semasa dalam keadaan nifas, hendaklah menunggu sehingga tiga kali suci, *'iddah* nya tamat pada haid yang keempat.
3. Pengesahan tentang tempoh *'iddah* wanita dengan kadar nafkah *'iddah* yang dituntut tidak diperincikan.

Hal ini dapat dilihat melalui kes Rooseliwati Binti Hussein lawan Syed Farouk Azlan Bin Syed Abdul Aziz yang menetapkan nafkah *'iddah* sebanyak RM3,000.00 selama tiga bulan tanpa sebarang pengesahan tentang keadaan haid sebenar isteri itu sendiri. Begitu juga dengan kes-kes yang lain, terdapat 14 kes kebanyakannya hanya menetapkan 3 bulan sahaja nafkah *'iddah* perlu dibayar oleh pihak suami antaranya kes Mariam bt Yaacob lawan Wahi bin Samah, Hj Nikmah bt PDLR Hj Abu Bakar

lawan Hj Mohammad Satri bin Hj Omar dan Suriah bte Hassan lawan Hamzah bin Mohd Nor.


Selain itu juga, terdapat kes yang ditetapkan *'iddah* nya 3 kali suci yang membawa maksud 3 bulan, hal ini difahami berdasarkan kadar nafkah *'iddah* yang perlu dibayar oleh suami selama 3 bulan sahaja seperti kes Rohaini Binti Hassan Lawan Julrizal Bin Ahmad Bashah, Rasadah bt Hj Majid lawan Hj Zaini bin Hj Mohd Zain dan Ida Hidayati bt Taufiq lawan Ahmad Shukri bin Kassim. Keadaan ini sepatutnya hanya terkecuali bagi kes yang ditetapkan syarak sebagai 3 bulan seperti wanita yang tiada haid, putus haid atau *menopause* seperti kes Ngah bt Mat Ali lawan Seman bin Mamat yang mengakui bahawa dirinya sudah putus haid sejak dua tahun sebelum penceraian berlaku.

Walaupun terdapat beberapa kes-kes yang membicarakan hujah ukuran tempoh bagi penentuan *'iddah* sebanyak 3 kali suci itu dikira atau dihitung mengikut kebiasaan wanita ber*'iddah* 3 kali suci itu adalah bersamaan 90 hari atau 3 bulan seperti yang dinyatakan dalam kes Rohaini Binti Hassan Lawan Julrizal Bin Ahmad Bashah, atau 3 bulan 10 hari atau 100 hari seperti dalam Ida Hidayati bt Taufiq lawan Ahmad Shukri bin Kassim, fakta ini perlu kepada pembuktian dari sudut perubahan yang jelas. Kebarangkalian dalam keadaan tempoh haid wanita mungkin kurang atau lebih daripada 3 bulan membuka ruang kesamaran dalam perlaksanaannya jika tidak diteliti dengan baik. Pembuktian ini mestilah bertepatan dengan konsep dan prinsip pendakwaan dalam Islam (Ahmad Azam Mohd Shariff & Mazupi Abdul Rahman 2018: 130).

Hal ini kerana, tempoh pemberian nafkah *'iddah* ini bergantung kepada keadaan sebenar haid wanita bukan hanya bergantung kepada permohonan plaintif. Panjang dan pendek tempoh haid seseorang wanita adalah relatif atau berbeza. Maka, hal ini perlu diperhatikan dan diteliti sebaiknya. Perbezaan pada panjang dan pendek *'iddah* seseorang akan meletakkan jurang kadar nafkah *'iddah* yang lebih besar, sebagaimana kes Rohaini binti Hassan lawan Julrizal bin Ahmad Bashah, plaintif membuat tuntutan nafkah *'iddah* sebanyak RM1000.00 sebulan selama 3 bulan. Akan tetapi pada akhir keputusan hakim menetapkan plaintif ber*'iddah* selama 3 kali suci kerana diceraikan dalam keadaan suci dan kadar nafkahnya ditetapkan sebanyak RM500.00 sebulan selama masih *'iddah*. Keadaan ini membolehkan kadar nafkah *'iddah* mencecah lebih daripada RM3000.00 daripada tuntutan awal nafkah *'iddah* oleh plaintif jika *iddah* sebenarnya adalah panjang. Keadaan ini sangat penting itu diteliti kerana bukan

sahaja melibatkan hak isteri pada nafkah 'iddahnya sekiranya yang patut diperolehinya lebih banyak daripada sepatutnya tetapi juga hak suami jika sepatutnya dia perlu membayar sedikit daripada apa yang patut dipertanggungjawabkan kepadanya.

Perkara-perkara yang disebut perlu dilihat semula berdasarkan kepada teori konsep penentuan 'iddah yang digariskan oleh syarak, secara ringkasnya dapat difahami melalui gambar rajah berikut:



RAJAH 1. Proses mengenalpasti iddah seseorang wanita.
Sumber: (JAKIM 2018)

Penentuan 'iddah menggunakan garis panduan yang diatur oleh syarak ini adalah sangat penting, bagi membantu keputusan penghakiman lebih efektif

dan sesuai dengan keperluan dan hak wanita itu sendiri dalam masa yang sama tidak mengeneppikan hak suami.

Ironinya, berdasarkan keterangan diatas dapat difahami penerangan yang kurang jelas boleh mendatangkan tiga implikasi iaitu; pertama: kesamaran dari sudut pelaksanaan penentuan 'iddah di sisi peguam dan Mahkamah Syariah kerana masih belum ada panduan khusus untuk mengenalpasti 'iddah; kedua: kurang penekanan terhadap isu penentuan 'iddah yang bermacam jenis berdasarkan tempoh dan bergantung kepada keadaan wanita; ketiga: ketidakseragaman, kurang tepat dan kurang efektif dalam penentuan 'iddah.

Di samping itu, berdasarkan analisis hukum dan takrif, telah dapat difahami terdapat beberapa perkara yang berkemungkinan akan terkesan daripada kelemahan-kelemahan tersebut iaitu dari sudut tempoh dan kadar bayaran suami nafkah 'iddah kepada si isteri, jesteru boleh membebaskan suami sekiranya si suami perlu membayar lebih nafkah 'iddah melebihi tempoh sebenar 'iddah jika tempoh 'iddah isteri pendek. Begitu juga wanita

Tambahan pula, terdapat kajian lain yang mengetengahkan penentuan 'iddah seseorang boleh mempengaruhi (Samsul Arifin 2018:101);

1. Sahnya rujuk kembali dengan suami lama
2. Sahnya perkahwinan baru si isteri dengan suami baru
3. Penentuan nasab
4. Lamanya tempoh nafkah 'iddah melibatkan hak suami dan isteri.

Bertitik tolak daripada kenyataan ini, antara cadangan bagi penambahbaikan untuk isu penentuan 'iddah ini dapat ditekankan ialah pembahagian yang lebih terperinci dari sudut macam-macam 'iddah, tempohnya, serta hak isteri yang boleh dituntut sepanjang tempoh itu, dalam masa yang sama masih mengekalkan sifat enakmen itu sendiri ringkas dan padat agar dapat jadi panduan yang baik bagi para pengamal undang-undang dan Mahkamah Syariah untuk merujuknya. Misal yang terdekat dapat dilihat daripada Undang-Undang Keluarga Islam Indonesia, Nombor 1 tahun 1974 tentang perkahwinan, dalam Bab 4 waktu tunggu Fasal 39;

1. Waktu tunggu bagi seorang janda sebagai dimaksud dalam fasal 11 ayat 2 Undang-Undang ditentukan sebagai berikut:

- a. Apabila perkahwinan putus kerana kematian, waktu tunggu ditetapkan 130 hari.
 - b. Apabila perkahwinan putus kerana perceraian waktu tunggu bagi yang masih haid ditetapkan 3 kali suci dengan sekurang-kurangnya 90 hari, dan bagi yang tidak berdatang bulan ditetapkan 90 hari.
 - c. Apabila perkahwinan putus sedang janda tersebut sedang dalam keadaan hamil, waktu tunggu ditetapkan sampai melahirkan.
2. Tidak ada waktu tunggu mempunyai kekuatan hukum yang tetap sedangkan bagi perkahwinan yang putus kerana kematian, tenggang waktu dihitung sejak kematian bagi janda yang putus perkahwinan kerana perceraian sedang antara janda tersebut dengan bekas suaminya belum pernah terjadi hubungan kelamin.
 3. Bagi perkahwinan yang putus kerana perceraian, tenggang waktu tunggu dihitung sejak jatuhnya putus pengadilan yang suami.
 3. Tidak ada waktu tunggu bagi yang putus perkawinan karena perceraian sedang antara janda tersebut dengan bekas suaminya qobla al dukhul.
 4. Bagi perkawinan yang putus karena perceraian, tenggang waktu tunggu dihitung sejak jatuhnya, Putusan Pengadilan Agama yang mempunyai kekuatan hukum yang tetap, sedangkan bagi perkawinan yang putus karena kematian, tenggang waktu tunggu dihitung sejak kematian suami.
 5. Waktu tunggu bagi isteri yang pernah haid sedang pada waktu menjalani iddah tidak haid karena menyusui, maka iddahnya tiga kali waktu haid.
 6. Dalam hal keadaan pada ayat (5) bukan karena menyusui, maka iddahnya selama satu tahun, akan tetapi bila dalam waktu satu tahun tersebut ia haid kembali, maka iddahnya menjadi tiga kali waktu suci.

Tambahan pula, terdapat juga penentuan dan perincian '*iddah*' pada Kompilasi Hukum Islam (KHI), pada bahagian Kedua: Waktu Tunggu, Fasal 153;

1. Bagi seorang isteri yang putus perkawinannya berlaku waktu tunggu atau iddah, kecuali qobla al-dukhul dan perkawinannya putus bukan karena kematian suami.
2. Waktu tunggu bagi seorang janda ditentukan sebagai berikut:
 - a. Apabila perkawinan putus karena kematian, walaupun qobla al dukhul, waktu tunggu ditetapkan 130 (seratus tiga puluh) hari:
 - b. Apabila perkawinan putus karena perceraian, waktu tunggu bagi yang masih haid ditetapkan 3 (tiga) kali suci dengan sekurang-kurangnya 90 (sembilan puluh) hari, dan bagi yang tidak haid ditetapkan 90 (sembilan puluh) hari;
 - c. Apabila perkawinan putus karena perceraian sedang janda tersebut dalam keadaan hamil, waktu tunggu ditetapkan sampai melahirkan;
 - d. Apabila perkawinan putus karena kematian, sedang janda tersebut dalam keadaan hamil, waktu tunggu ditetapkan sampai melahirkan.

Contoh panduan penentuan '*iddah*' yang digariskan dalam perundangan islam di Indonesia ini menunjukkan bahawa keadaan wanita, tempoh minimum dan maksimum '*iddah*' mengikut keadaan wanita dan jenis perceraian atau talak memainkan peranan besar dalam penentuan '*iddah*' yang perlu dititik beratkan sesuai dengan penentuan '*iddah*' yang digariskan oleh syarak. Manakala dari segi perlaksanaannya, pihak peguam perlu menitikberatkan penyediaan butiran yang berkaitan tentang keadaan plaintif atau si isteri bagi membantu penghakiman dan penentuan '*iddah*' bagi wanita yang lebih efektif. Bagi Mahkamah Syariah pula, perlu meneliti dan mengesahkan keadaan wanita sebelum menetapkan apa-apa keputusan terutama perkara yang melibatkan '*iddah*' ini, contohnya sama seperti keadaan yang diaplikasikan dalam kes pengesahan anak yang dilahirkan seperti kes ZZ lawan NA, kes yang mengenalpasti dan memperincikan keadaan wanita dari segi haid dan tidak haidnya wanita akibat mengandung. Dalam kes ini, plaintif mendakwa dirinya dalam keadaan haid ketika diceraikan, dan mahkamah meneliti bahawasanya plaintif suci dan mengandung ketika lafaz cerai dilafazkan, perlu ber'*iddah*' sehingga melahirkan.

Namun begitu, setiap cadangan dan pembaharuan masih perlu kepada kajian yang lebih mendalam untuk disesuaikan penggunaannya di Malaysia dan berdasarkan analisis enakmen-enakmen dan kes-kes di atas, hal ini bertepatan dengan tiga keperluan dan limitasi berikut iaitu;

Pertama: Seseorang wanita tidak memiliki jadual yang sama dan sejenis, setiap wanita berbeza antara satu sama lain (Abdurrahman 2003:55). Maka setiap lancar dan tidak lancarnya haid dan keadaan wanita akan memberi pengaruh besar pada hukum panjang dan pendek 'iddahnya.

Kedua: Permasalahan 'iddah yang pelbagai: Pertama: dari segi perkara yang disepakati ulama iaitu; wanita yang mempunyai, maka 'iddahnya tiga *quru'* QS. (2:228), wanita yang kematian suami, 'iddah nya empat bulan sepuluh hari QS. (2:234), wanita yang belum haid dan menopause, maka 'iddahnya tiga bulan, dan wanita hamil, 'iddahnya melahirkan anak QS. (65:4). Kedua: perkara abnormal bagi kitaran wanita yang tidak disepakati ulama' padanya iaitu; wanita yang *menopause* di awal usia, wanita yang keguguran, wanita yang mempunyai haid yang tidak lancar, wanita istihadah dan wanita yang masih kecil pada awalnya tiada haid kemudian datang haid (Laila Musyafa'ah 2018: 124-127).

Ketiga: Kepentingan masing-masing seperti berniat untuk memanjang tempoh nafkah 'iddah dengan memberi maklumat yang salah (Abdurrahman 2003: 33) kerana semua berbalik kepada wanita itu sendiri. Pengiraan 'iddah memerlukan khidmat orang atau institusi yang lebih mahir seperti peguam dan Mahkamah Syariah itu sendiri kerana orang awam lebih cenderung untuk mengikuti sahaja daripada menentukan sendiri keadaan semasanya dan 'iddahnya. Maka, penekanan dan pelaksanaan yang benar dalam isu 'iddah ini mengurangkan kebarangkalian bermudah-mudahan dan mengambil kesempatan atas kelonggaran ini. Oleh itu, Allah SWT memerintahkan wanita menyatakan maklumat sebenar tentang haid dan hamil mereka kerana adakalanya wanita ingin mempercepat atau memperlambat 'iddahnya mengikut kepentingan dirinya sendiri seperti membohongi tentang panjang tempoh hamil dan haid supaya mendapat nafkah 'iddah dalam tempoh yang lama. Penipuan dalam hal haid dan hamil ini boleh membawa mafsadah yang besar (Al-Sa'di 2000:1:101). Hal ini kerana, gejala ini boleh memberi kesan kepada hukum-hukum Islam berkaitan yang lain. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu Dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka

menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat.

(Surah Al-Baqarah 2:228)

Jesteru, penambahbaikkan semula bagi aspek ketentuan 'iddah didalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam sebagai panduan dan perlaksanaannya perlu diperhalusi dengan lebih teliti. Perkara penting yang perlu difahami dalam isu ini bukan dari segi teoritikal atau dengan kata lain permasalahan bukan pada konsep fiqh yang sedia ada akan tetapi masalahnya berkemungkinan boleh timbul daripada penentuan 'iddah yang salah atau kurang tepat dari perintah Mahkamah Syariah, yang kemudiannya akan mempengaruhi hitungan 'iddah bagi isteri yang diceraikan hidup atau mati (Samsul Arifin 2018: 106). Malah, segala bentuk perubahan yang moden bukan sesuatu yang keluar dari Islam kerana ia suatu yang berbentuk penafsiran semula undang-undang mengikut keperluan semasa asalkan masih mengikut aturan yang benar bukan sekadar bertaqlid buta (Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Paizah Ismail & Norhayati Mohd Dahlal 2008: 4-7).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat terhadap penentuan 'iddah dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, terdapat empat bahagian kelemahan yang dikenalpasti iaitu dari sudut isi kandungan 'iddah enakmen dan tiga kelemahan dari segi perlaksanaannya di mahkamah. Kelemahan ini akan mempengaruhi penentuan 'iddah bagi wanita begitu juga kadar nafkah yang perlu dibayar si suami. Selain itu, perkara ini juga mempengaruhi empat sudut hukum yang lain, iaitu; hukum sahnya rujuk kembali dengan suami lama, sahnya perkahwinan baru si isteri dengan suami baru, penentuan nasab, lamanya tempoh nafkah 'iddah melibatkan hak suami dan isteri. Hal ini demikian kerana, terdapat tiga kepentingan dan keperluan yang menyebabkan 'iddah ini perlu diteliti dan diambil serius iaitu; setiap wanita mempunyai kitaran haid dan keadaan yang berbeza, permasalahan 'iddah yang rumit dan pelbagai perlu kepada pemerhatian dan orang awam lebih cenderung mengikuti apa yang sedia dan keadaan ini membuka ruang mengambil mudah tentang hal 'iddah ini.

Jesteru, pada pihak pengamal undang-undang dan institusi Mahkamah Syariah perlu ambil perhatian terhadap isu ini dengan lebih serius lagi dari sudut

mengenalkan dan menentukan ketetapan 'iddah ini. Seterusnya, memperkemas lagi perbicaraan dan pengendalian kes terutama yang berkaitan dengan nafkah 'iddah wanita ini supaya hak isteri, suami, anak, suami baru, keluarga dan masyarakat terpelihara seterusnya mencapai Maqasid Syariah yang sebenar disebalik pensyiaran 'iddah ini.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan penghargaan atas pembiayaan kajian melalui geran "The Influence of Islamic Civilization on Malay Muslim Women and Their Contributions in Malay Archipelago".

RUJUKAN

- Abd Al-Rahman Al-Jazīrī. 2000. *Al-Fiqh ala Al-Mazāhib Al-Arba'ah*. Edisi Pertama. Kaherah, Mesir: Dar Al-Fajr.
- Abd Al-Rahman bin Nasir bin Abdullah Al-Sa'di. 2000. *Taysir Al-Karim Al-Rahman fi Tafsir Kalām Al-Manān*. Edisi kedua. Mesir: Muassasah Al-Risalah.
- Abdullah, R., Monsoor, T., Johari, F., & Mohd Radzi, W. 2015. Financial support for women under Islamic family law in Bangladesh and Malaysia, *Asian Journal of Women's Studies* 21(4), 363-383.
- Abdurrahman Muhammad Abdullah Rifai, Penterjemah: Mahfud Hidayat Lukman, Ahmad Muzayyin Safwan. 2003. *Tuntutan haidh nifas dan Darah Penyakit Tinjauan Fiqh dan Medis*. Edisi Pertama. Mustaqim: Jakarta.
- Abu Abd Al-Rahman Ahmad Bin Syu'aib Bin Ali Al-Kharasānī, Al-Nasa'ī. 1986. *Al-Sunan Al-Sughra li Al-Nasa'ī*. Edisi Kedua. Halb, Syria: Maktab Al-Maṭbū'ah.
- Ahmad Azam Mohd Shariff & Mazupi Abdul Rahman. 2018. Prinsip Syariah Berkaitan Prosedur Siasatan dan Pendakwaan: Khazanah Ilmu yang Memangkinakan Perkembangan Perundangan dalam Masyarakat. *Akademika* 88 (3): 127-135.
- Akta 561, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. 2020. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efd c4482568310022d8b3/c997b160ae093c96482570820008158c?OpenDocument. Dilihat pada April 2020.
- Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. 2018. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efd c4482568310022d8b3/be07751de42d1fb748256fd500115827?OpenDocument. Dilihat pada Oktober 2018.
- Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajr Al-Haitami. 1983. *Tuhfah Al-Muhtāj fi Syarh Al-Minhāj*. Mesir: Al-Maktabah Al-Tijāriyyah Al-Kubra.
- Al-Kasānī, 'Alauddīn Abū Bakar bin Mas'ud bin Ahmad Al-Kasānī. 1986. *Al-Badā'i' Al-Ṣanā'i' fi Tartīb Al-Syara'i'*. Edisi Kedua. Beirut, Lubnan: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Syāfi'i Abu Abdullah Muhammad Bin Idris Al Abbas Bin Utsman Bin Syafi Bin Abdul Mutalib Bin Abd Mutalib Bin Abd Manaf Al-Matlabi Al-Kursyi Al-Makki. 1990. *Al-Umm*. Beirut, Lubnan: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Syarbīnī, Syams Al-Dīn Muhammad Bin Ahmad Al-Khatīb Al-Syarbīnī Al-Syāfi'i. Mughnī Al-Muhtaj ila Makrifati Mā'ni Alfaz Al-Minhaj. 1994.
- Al-Syaṭībī, Ibrahim Bin Musa Al-Lakhmī Al-Gharnāfi Al-Syāhīr Al-Syaṭībī. 1997. *Al-Muwāfaqāt fi Al-Usūl Al-Syarī'ah*. Edisi pertama. Kaherah, Mesir: Dar Al-'Affān.
- Al-Zuhaylī, Wahbah Al-Zuhaylī. 2010. *Al-Fiqh Al-Islamī wa Adilatuhu*. Edisi dua puluh tiga. Damsyik: Dar Fikr.
- Al-Zuhaylī, Wahbah Al-Zuhaylī. 1997. *Al-Tafsīr Al-Munīr*. Edisi Kedua. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Asari, K. N., Makhtar, M., Hamid, N. A., Abdullah Asuhaimi, F., & Pauzai, N. A. (2017). Iddah Maintenance: Concept, Issues and Methods of Enforcement. *Pertanika Journal of Social Science And Humanities*, 25 (8) 145-151.
- Bengtsson, M. 2016. How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *NursingPlus Open* 2: 8-14.
- Enakmen 11 Tahun 2003, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. 2018. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/8e791863d5e2682548256faa00184cce/8cb3f392bbb6e8ae48257123000dd605?OpenDocument. Dilihat pada Oktober 2018.
- Enakmen 12 Tahun 1985, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu). 2018. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/f4edc921ae781f6a482570de002800c3?OpenDocument. Dilihat Oktober 2018.
- Enakmen 7 Tahun 2008, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008. 2018. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/f5fe5c40d4ff88e54825752b00306cc8?OpenDocument. Dilihat pada Oktober 2018.
- E-Syariah. Enakmen/Ordinan/Akta Mahkamah Syariah. 2018. <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/liststrg?OpenForm>. Dilihat pada: 18 Oktober 2018.
- Hanān Musallam Fattāl Yabrūdī. 2008. *Ahkām Al-'Iddah fi Al-Fiqh Al-Islamī wa Qānūn Ahwāl Al-Syakhsyah Al-Suriy*. Edisi Pertama. Dar Nawādir: Damsyik, Syria.
- Ibn Rushd, Abū Walīd Al-Qurtubī Al-Andalusī. 2004. *Bidāyah Al-Mujtahid wa Nihāyatu Al-Muqtaṣid*. Edisi Pertama. Iskandariyah, Mesir. Dar Al-Aqidah.

- Jabatan Pendaftaran Kes Mal. 2018. <http://www.esyariah.gov.my/images/esyariah/Document/RisalahJKSM/Panduan%20Pendaftaran%20Kes%20Mal.pdf> Dilihat Disember 2018.
- Jurnal Hukum. 2013. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Cetakan Pertama, Jil. 36, Bhg. 1
- JAKIM. Garis Panduan Beriddah bagi wanita yang bercerai atau kematian suami. 2018. <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/124-garis-panduan-ber-iddah-bagi-wanita-yang-bercerai-atau-kematian-suami>
- Laila Hasan Al- Zuba'ī. 2007. *Ahkām Al-'Iddah fī Al-Syari'ah Al-Islāmiyyah*. Edisi Pertama. Beirut, Lubnan: Dar AL-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Lexis Advance Malaysia. 2020. Nafkah Iddah. <https://advance.lexis.com/search/?pdmfid=1522468&crd=a3adc2ad63f845de8a5033573e18c21f&pdsearchterm=s=nafkah+iddah&pdicsfeatureid=1521734&pdstartin=h1ct%3A1%3A46&pdtypeofsearch=searchboxclick&pdsearchtype=SearchBox&pdqtype=or&pdpsf=his%3A1%3A1&pdquerytemplateid=&comp=9p6d9kk&earg=pdpsf&prid=f6113aba-b4d2-45d4-b0e1-bfc66f78390a>. Retrieved on: 28 Februari 2020
- Mālik, Mālik bin Anas bin Malik bin 'Āmir Al-Asbahī Al-Madanī. *Al-Mudawwanah*. 1994. Edisi Kedua. Beirut, Lubnan: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Md. Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar, Mohamad Zaini Yahya & Zaini Nasohah. 2014. Perkembangan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia; Isu Syariah Undang-Undang Pencerakinan isu wahana pelestarian Akademik Siri 20, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam.
- Mek Wok Mahmud & Siti Zulaikha binti Mokhtar. 2017. Mafqūd and Fasakh in the Writings of Muslim Jurists and Provisions of Malaysian Federal Territory Islamic Family Law: The Case of MH 370 Missing Plane. *Intellectual Discourse* 25(Special Is): 575-588.
- Mohammad Amīn bin Umar bin Abdul Azīz 'Ābidīn Al-Dimasyqī Al-Hanafī. 1992. *Raddul Al-Mukhtār 'Ala Al-Dar Al-Mukhtar*. Edisi Kedua. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & Ali Al-Syabarji. Penterjemah: Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mohd Faizan Musa, Mohd Mustaffa Jusoh, Lukmanul Hakim Haji Hanafi, Ahmad Husni Dato' Abd Rahman. 2009. *Al-Fiqh Manhajī Mazhab Al-Syafie*. Edisi Pertama. Bandar Baru Bangi, Selangor: Darul Syakir.
- Hasbullah, M., & Mohd Zin, N. 2012. How Divorced Women Can Effectively Enforce the Financial Support Orders: The Legal and Administrative Actions, *International Journal of Humanities and Social Science* 13(2): 141-148.
- Nur Laila Musyafa'ah. 2018. Interpretasi ayat iddah bagi wanita menopause, amenorea, dan hamil dengan pendekatan medis. *Ad-Daulah: Jurnal Hukum dan Perundangan Islam* 8(1): 103-130.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Paizah Ismail & Norhayati Mohd Dahlal. 2008. Reformasi Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Satu analisis terhadap gagasan konsep fiqh semasa. *Jurnal Syariah* 16 (2): 1-24.
- Samsul Arifin. 2018. Persepsi masyarakat tentang hitungan 'iddah dalam perspektif hukum Islam dan kompilasi hukum Islam. *Jurnal Pemikiran Keislaman* 1(3): 100-109.
- Suhaimi Ab Rahman, Rasyidah Md Khalid, Adilah Abd Razak & Abu Bakar Jaafar. 2018. Pemarkasaan Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta pusaka masyarakat Islam menurut kerangka federalism di Malaysia. *Akademika* 88(3): 113-125
- Syamsu Al-Din, Mohamad Bin Ahmad Al-Khatīb Al-Syirbīnī. 1994. *Mughnī Al-Muhtāj ila ma 'rifati ma 'ani Alfāz Al- Minhāj*. Edisi Pertama. Beirut, Lubnan: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Taqiyuddin Abu Al-Baqā' Muḥamad Bin Ahmad Bin Abd Al-Aziz Bin Ali Al-Futuhi & Ibn Al-Najā Al-Hajar. 1997. *Syarh Al-Kawākib Al-Manār*, Edisi Kedua. Saudi Arabia: Maktab Al-'Abikān
- Zaini Nasohah. 2002. *Pencerian Hak Wanita Islam*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Zulkifli Ahmad Al-Bakri. t.t. *Merungkai permasalahan tentang 'iddah*. Edisi Pertama. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Mek Wok Mahmud
Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Jalan Gombak, 53100, Kuala Lumpur
Email: mekwok@iium.edu.my
- Naimah Mohamad Nasir
Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Jalan Gombak, 53100, Kuala Lumpur
Email: naimah011@gmail.com
- Saidatolakma Mohamad Yunus
Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Jalan Gombak, 53100, Kuala Lumpur
Email: akmayunus@iium.edu.my
- Mohammed Farid Ali
Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Jalan Gombak, 53100, Kuala Lumpur
Email: abumariyah@iium.edu.my

Received: 30 April 2019

Accepted: 3 September 2020